

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	1 APRIL 2016

Dr Mahathir didesak umum calon PM

RH-1/4/2016



Mohd Ali (tengah) mengadakan sidang media berkaitan serangan oleh Tun Dr Mahathir terhadap kepemimpinan Najib, di Kuala Lumpur, semalam.

» Deklarasi sekadar peralat rakyat: Ali Rustam

Oleh Mohd Azrone Sarabatin Nazura Ngah, Haika Khazi dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Persatuan Bekas Ahli 4B Malaysia (Alumni) mendesak Tun Dr Mahathir

Mohamad mengumumkan secara terbuka calon pilihannya untuk dilantik menjadi Perdana Menteri, sama ada bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, anaknya Datuk Seri Mukhriz Mahathir atau Penasihat DAP, Lim Kit Siang.

Presidennya, Tan Sri Mohd Ali Rustam, berkata ketika ini bekas Perdana Menteri bertindak agresif menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri tetapi tidak pernah mengumumkan calon pilihannya sebagai pengganti.

“Deklarasi Mahathir-Kit Siang yang memperalat dan menjual nama rakyat sepatutnya me-

ngumumkan calon pilihan Dr Mahathir untuk menjadi Perdana Menteri supaya kita tahu adakah dia Muhyiddin, anaknya Mukhriz (bekas Menteri Besar Kedah) atau Kit Siang.

“Mungkin juga dia mahu menamakan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim atau Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah.

Sokong Najib

“Tidak mustahil juga beliau mahu mencontohi Lee Kuan Yew (bekas Perdana Menteri Singapura) yang mahu melantik anaknya (Lee Hsien Loong) sebagai Perdana Menteri se-

lepas bersara. Kuan Yew berjaya Dr Mahathir masih gagal,” katanya pada sidang media, di sini semalam.

Mohd Ali yang juga bekas Naib Presiden UMNO berkata, pendirian persatuan itu mahukan Dr Mahathir mengumumkan calon Perdana Menteri pilihannya diputuskan 240 perwakilan mewakili 120,000 ahli di seluruh negara yang bermesyuarat di ibu negara, semalam.

Dalam mesyuarat itu persatuan turut menyokong penuh kepemimpinan Najib dan timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi untuk meneruskan tampuk pemerintahan negara.

Sementara itu, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman, mendakwa Dr Mahathir kini sanggup bekerjasama dengan media asing dimiliki Yahudi bagi menjatuhkan Najib sebagai Perdana Menteri.

Ahli Parlimen Pasir Salak itu berkata, bekas Perdana Menteri paling lama kini sedang bekerjasama rapat dengan beberapa pemilik media asing bagi memaksa Najib meletak jawatan.

Tak senang hati

Beliau berkata media asing terbabit berbuat demikian kerana mereka kurang senang hati dengan pembangunan dan kemajuan dicapai negara terutama di bawah pimpinan Perdana Menteri.

“Adakah kamu tahu bahawa ada dalam kalangan media asing kurang senang dengan kemajuan dicapai Malaysia sekarang.

“Oleh itu mereka (media asing) sengaja memperbesar pelbagai isu termasuk siasatan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bagi memburukkan imej Perdana Menteri,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini, semalam.